

07/06/2003

Alasan Ong ambil sikap berkecuali

KUALA LUMPUR: Sikap berkecuali Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat ketika

pelaksanaan proses peralihan kuasa kepimpinan parti itu baru-baru ini sebenarnya bertujuan menghormati pelan damai dan bukan untuk menyokong atau membantah peralihan kuasa.

Ong berkata, peralihan kuasa adalah sebahagian rancangan pelan damai dan

semua pihak tidak sepatutnya mempersoalkan perkara itu, terutama bagi menolak peletakan jawatan bersama Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalannya, Datuk Seri Lim Ah Lek.

Hanya Ong yang mengambil sikap berkecuali pada mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) MCA 23 Mei lalu apabila semua ahli CC dikehendaki menolak peletakan jawatan dua pemimpin itu

Beliau berkata, pelan damai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) perlu dipatuhi kerana ia sudah dipersetujui semua pihak tahun lalu.

"Saya hanya bersikap berkecuali apabila ada usul menolak peletakan jawatan Dr Ling dan Lim selain meminta kami mengadakan kunjungan bagi mengemukakan rayuan.

"Perkara ini sebahagian daripada susulan pelan damai dan mengapa kita mesti menolak peralihan kuasa jika ia untuk kebaikan parti.

"Jika kita sudah menyokong pelan damai dari peringkat awal, kita mesti sokong pelan itu sehingga tamat.

"Jangan ada pihak salah anggap saya berkecuali dalam semua isu berkaitan

MCA, saya hanya bersikap berkecuali untuk isu ini," katanya pada sidang media selepas menerima risalah Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) daripada Pengurus Besar Cerebos Malaysia (M) Sdn Bhd, Lim Bing Tik, di sini semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, Ong yang juga Timbalan Menteri Belia dan Sukan berkata, beliau sudah mengadakan perjumpaan dengan Presiden MCA yang

baru, Datuk Seri Ong Ka Ting dan timbalannya, Datuk Chan Kong Choy bagi membincangkan masa depan parti itu baru-baru ini.